



【NOTIS PENANGGUHAN】

Jawatankuasa One Hope Charity & Welfare memutuskan penganjuran Karnival Kesihatan Kali ke-7 yang akan diadakan pada 12 April 2020 ini ditangguhkan ekoran penularan wabak Covid-19.

Pembatalan program yang sepatutnya diadakan di Dewan Ng Yam Huat itu dibuat berikutan penularan wabak Covid-19 yang dilihat semakin membimbangkan.

Sehubungan itu, One Hope Charity mengambil inisiatif untuk menangguhkan program ini dalam usaha mengekang keadaan bertambah buruk berikutan karnival itu dianggarkan akan dihadiri kira-kira 3,000 individu.

Bagaimanapun, program pemberian cermin mata percuma kepada murid dan pelajar dari keluarga miskin akan diteruskan yang mana pihak kami akan mengeluarkan baucer kepada mereka yang layak kemudian ditebus di kedai cermin mata yang ditetapkan.

Selain itu, program suntikan lutut atau knee injection juga akan diteruskan yang mana baucer akan diberikan kepada yang layak dan mereka perlu membawanya ke hospital yang ditetapkan untuk suntikan.

Segala kesulitan amat kami kesali dan memohon masyarakat memahami situasi semasa yang bukan melanda Malaysia sahaja tetapi seluruh dunia.

Kami di One Hope Charity mendoakan supaya penularan virus ini akan berlalu pergi dan negara kita bebas dari jangkitan penyakit yang sehingga kini masih menjadi misteri.

Yang Ikhlas,

AHLI JAWATANKUASA ONE HOPE CHARITY & WELFARE
13hb March 2020